



P E K E L I L I N G

AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

Bilangan 17 Tahun 2020

KESETARAAN PENYELIAAN SARJANA SECARA KERJA KURSUS DENGAN PENYELIAAN SARJANA SECARA PENYELIDIKAN

TUJUAN

1. Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan kesetaraan penyeliaan sarjana secara kerja kursus dan penyeliaan sarjana secara penyelidikan yang telah diluluskan pemakaianya melalui Mesyuarat Majlis Sumber Manusia (MSM) UiTM ke-42 pada 16 Januari 2020.

LATAR BELAKANG

2. Cadangan penambahbaikan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Akademik telah dibentangkan di dalam mesyuarat MSM ke-6 tahun 2016 bertarikh pada 24 Ogos 2016 dan telah diperakukan untuk dibawa kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk kelulusan tarikh pelaksanaan.

3. LPU melalui mesyuarat ke-154 bertarikh pada 20 September 2016 telah bersetuju dengan Cadangan Penambahbaikan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik UiTM berkuat kuasa pada 01 Januari 2017.

4. Walau bagaimanapun, MSM di dalam mesyuarat bertarikh 14 Februari 2017 telah memperakukan Cadangan Penangguhan Tarikh Kuat Kuasa Garis Panduan Kenaikan Pangkat Akademik UiTM yang telah dikemukakan oleh Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MiTASA).

5. Susulan itu, MSM melalui mesyuarat ke-21 bertarikh 26 Disember 2017 telah meluluskan pelaksanaan penggunaan garis panduan kenaikan pangkat staf akademik UiTM yang baharu berkuat kuasa pada 01 Julai 2018.

6. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah meneliti semula syarat wajib bagi permohonan kenaikan pangkat ke Gred 54 (Profesor Madya) seperti berikut:

Menggraduatkan sekurang-kurangnya seorang pelajar di peringkat ijazah sarjana secara penyelidikan sebagai penyelia utama atau sekurang-kurangnya dua (2) orang pelajar di peringkat ijazah sarjana secara penyelidikan sebagai penyelia bersama (berdasarkan perakuan Senat universiti atau tarikh anugerah Universiti).

7. Penelitian semula ini dibuat berdasarkan sumbangan kepakaran pensyarah yang menyelia pelajar sarjana secara kerja kursus juga *substantial* dan wajar diberi pertimbangan untuk memenuhi kriteria kenaikan pangkat.

8. MSM di dalam mesyuarat ke-42 pada 16 Januari 2020 telah meluluskan cadangan kesetaraan penyeliaan sarjana secara kerja kursus dengan sarjana secara penyelidikan di mana penyeliaan disertasi sarjana secara kerja kursus yang sempurna diambil kira untuk memenuhi syarat wajib kenaikan pangkat ke Gred 54.

KESETARAAN PENYELIAAN

9. Penyeliaan disertasi sarjana secara kerja kursus yang sempurna diambilkira untuk memenuhi syarat wajib kenaikan pangkat ke Gred 54.

10. Penyeliaan disertasi sarjana secara kerja kursus disetarakan dengan penyeliaan sarjana secara penyelidikan menggunakan kaedah kuantiti seperti berikut:

Lima (5) penyeliaan sarjana secara kerja kursus yang sempurna adalah bersamaan satu (1) penyeliaan sarjana secara penyelidikan yang sempurna.

11. Dengan itu, seorang pensyarah yang telah menyempurnakan lima (5) penyeliaan disertasi sarjana secara kerja kursus dianggap telah menggraduatkan seorang (1) pelajar sarjana secara penyelidikan.

PELAKSANAAN

12. Syarat wajib untuk kenaikan pangkat ke Gred 54 ditambah dan dinyatakan seperti berikut.

Menggraduatkan sekurang-kurangnya seorang pelajar di peringkat ijazah sarjana secara penyelidikan sebagai penyelia utama atau sekurang-kurangnya dua (2) orang pelajar di peringkat ijazah sarjana secara penyelidikan sebagai penyelia bersama (berdasarkan perakuan Senat Universiti atau tarikh anugerah Universiti)

atau

menyempurnakan penyeliaan (dalam tempoh minima satu (1) tahun) sekurang-kurangnya lima (5) orang pelajar sarjana secara kerja kursus dengan disertasi pelajar mencapai tahap lulus (Gred B) atau lebih baik.

13. Jawatankuasa Kesepakaran Fakulti dan Jawatankuasa Kesepakaran Cawangan adalah bertanggungjawab memastikan penyeliaan dan disertasi yang dikemukakan untuk penyetaraan mencapai tahap kualiti akademik universiti.

14. Penggunaan penyetaraan ini adalah terbatas kepada memenuhi syarat wajib kenaikan pangkat ke Gred 54 sahaja.

PEMAKAIAN


15. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Akademik bilangan 04 tahun 2018: Penambahbaikan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) 2018.

TARIKH DIKELUARKAN

16. Pekeliling ini dikeluarkan pada 04 September 2020.

TARIKH KUAT KUASA

17. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 16 Januari 2020.



PROF. TS. DR. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 500-BPD (BKK.10/2)
Tarikh : 04 September 2020